

21 JAN 1997

MIRZAN BERMINAT MENCEBURI PENGURUSAN PELABUHAN

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Mirzan Mahathir, yang berjaya membina Konsortium Perkapalan Bhd menjadi pemain dominan di dalam industri perkapalan dan pengangkutan negara, kini melihat kepada pengurusan pelabuhan.

"Memang, pengurusan pelabuhan adalah salah satu bidang yang kami mempunyai minat yang besar kerana ia akan melengkapkan rangkaian kami yang menghubungkan semua komponen berlainan di dalam rangkaian logistik," katanya.

Beliau telah ditanya sama ada beliau berminat memperolehi kepentingan di dalam Westport Holdings Sdn Bhd, pengendali Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang yang terletak di Pulau Indah.

"Jika timbul peluang, kami akan menilainya. Dan jika harganya betul, kami akan tampil," Mirzan, pengerusi eksekutif Konsortium Perkapalan memberitahu pemberita pada Persidangan Kebangsaan mengenai Penggabungan dan Pemilikan dua hari di sini hari ini.

Persidangan itu, yang dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, dianjurkan oleh Institut Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) yang mana Mirzan adalah presidennya.

Mirzan berkata kumpulan Konsortium Perkapalan pada masa ini terbabit dalam pembangunan pusat transit kenderaan di Pelabuhan Barat dan ia sedang melihat untuk memajukan sebuah taman pengagihan, iaitu sebuah pusat penghantaran.

Untuk menggalakkan Pelabuhan Klang sebagai pusat penghantaran, satu usaha sama antara kumpulan itu dan Westport Holdings ditubuhkan untuk mengujudkan nilai di dalam persekitaran pelabuhan yang termasuk membina sebuah taman pengagihan.

Tambahnya, bagaimanapun, belum ada sesuatu diputuskan setakat ini dalam pembangunan taman pengagihan yang dicadangkan itu kerana perundingan sedang berjalan dengan bakal-bakal pengguna, terutamanya perbadanan-perbadanan multinasional.

Mirzan juga berkata sementara kumpulan itu terutamanya terbabit di dalam perniagaan perkapalan dan pengangkutan, "saya tidak melihat perkapalan sebagai perniagaan utama kami.

"Ia adalah sebahagian daripada keseluruhan rangkaian itu. Perkapalan adalah bahagian rangkaian yang amat penting di rantau ini. Dengan perancangan itu, apabila kami melihat kepada peluang-peluang (membeli syarikat-syarikat lain) kami melihat apa yang akan dibawanya kepada strategi kami."

Kumpulan itu sedang menumpukan di rantau ini sahaja dan tidak akan memerlukan syarikat-syarikat yang jauh daripada rantau ini atau syarikat-syarikat yang tiada hubungan dengan apa yang dilakukan oleh kumpulan itu, tambahnya.

Bagaimanapun, jika syarikat itu mempunyai teknologi atau kepakaran pengurusan yang akan memberi faedah kepada kumpulan Konsortium Perkapalan, beliau akan melihat syarikat itu untuk kemungkinan perikatan seperti perkongsian tidak sebaliknya membelinya, katanya.

"Kami hanya melihat kepada syarikat-syarikat serantau yang mempunyai pasaran peluang mereka sendiri dan padan dengan rancangan logistik kami," tambahnya.

Katanya beliau juga melihat penerokaan ke dalam perniagaan kargo udara yang disifatkannya sebagai satu "perniagaan strategik."

"Kami mahu agar dapat pergi kepada pelanggan-pelanggan kami dan berkata bahawa kami boleh menawarkan satu penyelesaian logistik yang total dan, tentunya, kargo udara adalah bahagian yang amat penting," tambahnya. --
BERNAMA

ADN/JR OS/sia